

Headline	Prinsip operasi ikut syariah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	13 Feb 2014	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967
Page No	27	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	413 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,591
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,773



# Prinsip operasi ikut syariah

Sejak perkembangan Islam di Kepulauan Nusantara pada abad ke-12, undang-undang Islam dalam perdagangan mula mempengaruhi masyarakat tempatan.

**P**ERBANKAN Islam merupakan salah satu sektor atau juzuk dalam sebuah sistem kewangan Islam yang prinsip operasi dan amalannya berlandaskan hukum Islam atau juga disebut sebagai syariah.

Faktor utama yang membezakan antara perbankan Islam dan perbankan konvensional ialah segala urusan dalam perbankan Islam hendaklah dikendalikan tanpa melibatkan sebarang unsur-unsur yang bercanggah dengan syariah.

Perbankan Islam mula mengorak langkah seawal tahun 1963, terutamanya apabila tertubuhnya Mit Gharr Local Saving Bank di Mesir tanpa menggunakan perkataan syariah secara rasmi. Bank ini menggunakan model German Savings Bank mengikut kesesuaian sebuah bank yang berlandaskan Islam.

Penubuhan Islamic Development Bank (IDB) di Jeddah, Arab Saudi pada sidang Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) menjadi pemangkin kepada kewujudan perbankan Islam di serata dunia.

## Berdasarkan hukum

Antara bank-bank Islam yang berjaya ditubuhkan ialah Dubai Islamic Bank pada tahun 1975, diikuti dengan Faisal Islamic Bank of Sudan (1977), Faisal Islamic Egyptian Bank dan Islamic Bank of Jordan (1978), Islamic Bank of Bahrain (1979) dan The International Islamic Bank of Investment and Development, Luxembourg (1980).

Konsep kewangan berdasarkan hukum Islam bukanlah sesuatu yang baharu. Sejak perkembangan Islam di kepulauan Nusantara pada abad ke-12, undang-undang Islam dalam perdagangan telah mula mempengaruhi masyarakat tempatan.

Dalam Undang-Undang Melaka, terda-

pat beberapa peraturan yang menyentuh tentang pengharaman amalan riba dalam urusan jual beli. Selepas kemerdekaan, permintaan untuk mewujudkan sebuah institusi kewangan yang halal telah meningkat.

Pada tahun 1963, Lembaga Tabung Haji telah ditubuhkan dengan tujuan untuk membantu umat Islam di Malaysia menyimpan wang untuk menunaikan ibadah haji.

Kejayaan Tabung Haji menyebabkan timbul pula usul untuk mewujudkan sis-

tem perbankan Islam di negara ini.

Hasilnya, Kabinet telah meluluskan penubuhan bank Islam pertama pada tahun 1983 yang dikenali sebagai Bank Islam Malaysia Berhad, disusuli dengan kewujudan Syarikat Takaful Malaysia Berhad selaku pengendali takaful yang pertama pada tahun 1984.

Bank Negara Malaysia (BNM) pula diberi mandat untuk menjadi badan pengawal yang membantu dalam penyelaras dan keseragaman pentafsiran syariah dalam memperkuatkan pengawalseliaan dan tadbir urus industri kewangan Islam di Malaysia.

Antara langkah yang telah diambil BNM dalam mengawal selia industri kewangan Islam terutamanya dalam segmen perbankan dan takaful ialah mengeluarkan resolusi, garis panduan dan perkara berkaitan lain yang bertujuan untuk mewujudkan kesepakatan dalam keputusan-keputusan syariah. Ini sekali gus mempertingkat dan memperkuatkan tadbir urus syariah institusi kewangan.

## Produk kewangan

Dahulu, kita mungkin tiada pilihan untuk menggunakan produk kewangan Islam dalam aktiviti-aktiviti kewangan seperti perbankan, pajak gadai, insurans dan sebagainya, namun dewasa ini terdapat pelbagai institusi perbankan Islam dan juga bank-bank konvensional yang membuka 'tingkap Islam' dengan menawarkan produk-produk perbankan Islam kepada mereka yang berminat terutamanya umat Islam.

Antara produk-produk kewangan Islam yang berada di pasaran semasa pada hari ini ialah pajak gadai Islam yang dikenali sebagai al-rahnu, takaful dan suuk.

Dalam keterbatasan dan situasi darurat, kita mungkin akan memberi alasan tiada alternatif lain melainkan sistem kewangan konvensional. Ini memaksa kita menggunakan kaedah itu sama ada secara rela ataupun tidak.

Tetapi apabila sudah ada alternatif-alternatif produk kewangan Islam di hampir semua institusi perbankan di negara ini di samping kecaman oleh Allah SWT dan Rasul-Nya ke atas pengamal riba, adalah kita masih memilih untuk menggunakan sistem kewangan konvensional yang berdasarkan riba dan mengabaikan sistem kewangan Islam?

» **USTAZ Muhd. Ramadhan Fitri Ellias** merupakan Ketua Jabatan Pengurusan Syariah, Maybank Islamic Bhd. Sebarang kemasukan terhadap industri perbankan Islam boleh dihantar ke [rencana@kosmo.com.my](mailto:rencana@kosmo.com.my).

